



KENYATAAN MEDIA**Untuk Siaran Segera**

Resorts World Genting Dinobatkan sebagai 'Resort Terunggul Malaysia' untuk Kali Kelima di Anugerah Pelancongan Dunia

Genting Highlands, 10 Oktober 2024 – Resorts World Genting (RWG) sekali lagi mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu destinasi pelancongan terkemuka di Asia dengan meraih gelaran prestij Resort Terunggul Malaysia di Anugerah Pelancongan Dunia 2024. Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut dan kali kelima RWG menerima pengiktirafan ini, menjadikannya resort yang paling banyak menerima penganugerahan di Malaysia!

Anugerah Pelancongan Dunia ditubuhkan pada tahun 1993 dan diiktiraf secara meluas sebagai penanda aras kecemerlangan industri pelancongan dan percutian di peringkat global. Anugerah ini mengiktiraf pemimpin dalam pelbagai sektor yang menunjukkan standard tertinggi dalam bidang masing-masing. Proses pengundian dijalankan secara dalam talian, dengan undian diterima daripada eksekutif berkelayakan dalam industri pelancongan serta pengguna perkhidmatan pelancongan.

Selain penghargaan ini, RWG terus berinovasi dan memperluaskan tawarannya. Antara penambahbaikan terbaru adalah pembukaan semula Kereta Kabel Genting Gohtong Jaya (dahulu dikenali sebagai Genting SkyWay), yang menawarkan pilihan pemandangan tambahan kepada para tetamu yang menuju ke resort. Taman Tema Genting SkyWorlds telah melancarkan pas tahunan yang dinanti-nantikan pada harga RM280, yang mana sah untuk kunjungan dari 15 Oktober 2024 sehingga 31 Disember 2025, membolehkan para tetamu menerokai setiap sudut taman.

Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam Resorts World Genting, menyatakan rasa bersyukurnya atas penghormatan ini, "Kami amat berbangga diiktiraf sebagai Resort Terunggul Malaysia untuk tahun ketiga berturut-turut di Anugerah Pelancongan Dunia. Pengiktirafan ini menguatkan semangat kami untuk terus berkembang. Di

RWG, kami berusaha bukan sahaja untuk memenuhi jangkaan tetamu, tetapi juga untuk menjangkau jangkaan mereka dengan mencipta pengalaman yang akan dikenang lama selepas mereka pulang. Anugerah ini mengesahkan komitmen kami untuk terus berada di barisan hadapan inovasi perhotelan, serta menawarkan pengalaman bertaraf dunia yang menjadikan kami antara yang terbaik dalam industri pelancongan global.”

Melangkah ke hadapan, RWG merancang pelbagai projek baru yang menarik untuk meningkatkan pengalaman tetamu. Resort ini juga komited terhadap kelestarian dan ekopelancongan, memastikan setiap pembangunan sejahtera dengan misi pelancongan yang dipertanggungjawabkan. Salah satu inisiatif utama adalah Ekspo Genting Sustainbiz F&B yang pertama pada September 2024 yang lalu, di mana RWG menandatangani lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan kongsi terkemuka bernilai RM12 juta. Inisiatif ini bukan sahaja memperbaiki pengalaman tetamu, tetapi juga berperanan dalam memelihara keindahan persekitaran tanah tinggi yang akan boleh menarik jutaan pengunjung setiap tahun.

Kami mengucapkan terima kasih dengan tulus ikhlas kepada para tetamu atas sokongan berterusan mereka, yang telah membantu kami mencapai pengiktirafan ini untuk kali kelima. Terima kasih kerana menjadikan kami yang terbaik dalam apa yang kami lakukan. Untuk maklumat lanjut dan kemaskini mengenai RWG, sila layari rwgenting.com atau ikuti kami di saluran media sosial rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Michelle Wong
Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Evin Chan
Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 2333 6742
Email: evin.chan@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Saham Malaysia dengan pasaran bernilai anggaran RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills

(RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaian hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan harta tanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.